

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

SAW210 - Sosiologi Perindustrian

Masa : [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Soalan Bahagian A **WAJIB** dijawab dan pilih **DUA (2)** soalan dari Bahagian B.

BAHAGIAN A (SOALAN WAJIB)

1. Pasaran buruh banyak berubah sejak 1970an dengan industrialisasi yang pesat. Beri analisis anda mengenai perubahan teknologi, jantina dan kaum pekerja serta kesan-kesan ke atas keselamatan dan kesihatan pekerja. Apakah kesan-kesan akibat sosial dengan perkembangan perindustrian tersebut?

[40 markah]

BAHAGIAN B (Jawab DUA (2) soalan sahaja)

2. Pilih dua mogok besar yang pernah berlaku di Malaysia. Jelaskan sebab-sebab permogokan itu berlaku dan tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan permogokan tersebut? Apakah hasil dari permogokan itu?

[30 markah]

3. Terangkan perkembangan dan peranan kesatuan sekerja sejak 1960an sehingga 1980an. Apakah perbezaan dari segi jenis, keahlian, jantina, kekuatan dan lain-lain lagi?

[30 markah]

...2/-

[SAW 210]

4. Malaysia mempunyai cita-cita dalam Wawasan 2020 untuk mencapai taraf negara perindustrian.

Beri analisis anda mengenai latihan dan pendidikan yang telah diwujudkan serta rancangan (dalam latihan dan pendidikan) masa depan untuk mencapai Wawasan tersebut.

[30 markah]

5. Apakah perbezaan yang nyata mengenai ciri-ciri pekerja lelaki dan wanita di pasaran buruh?

Bincangkan kesan-kesan kerja 3 syif ke atas kesihatan, penghidupan berkeluarga, penjagaan kanak-kanak, aktiviti-aktiviti berkesatuan dan lain-lain lagi.

[30 markah]

-- oo oOo oo --